

CNS5707

R GB 30-01 00154 BA065

bah

Mahathir - Pemimpin

PEMIMPIN TIDAK SEHARUSNYA MENYALAHGUNAKAN KUASA, KATA MAHATHIR

KUCHING, 30 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri malam ini berkata pemimpin-pemimpin yang dilantik oleh rakyat seharusnya tidak menyalahgunakan kuasa tetapi seharusnya menggunakannya dengan betul untuk pembangunan dan kemakmuran rakyat.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata penyalahgunaan kuasa di kalangan pemimpin sesebuah negara atau negeri untuk kepentingan sendiri akan hanya merugikan rakyat.

"Sebagai pemimpin kita seharusnya dihormati oleh rakyat di dalam dan di luar negara kerana kerja keras dan kepimpinan yang dijalankan", katanya pada majlis makan malam anjuran Barisan Nasional negeri di sini sempena lawatan beliau ke Sarawak.

Beliau berkata pemimpin-pemimpin Barisan Nasional sentiasa mengamalkan konsep tersebut dan berharap pemimpin dan rakyat di Sabah juga menyedari hakikat tersebut.

Perdana Menteri berkata konsep kerjasama antara kaum dan parti di dalam BN telah dapat menjamin keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan rakyat di negara ini. -- lagi

▼30/01/23-16MST

CNS5708

R GB 30-01 00161 BA066

bah

Mahathir - Pemimpin 2 Kuching

Katanya, konsep kerjasama yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri Malaysia yang pertama, Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-haj melalui parti Perikatan telah membuktikan kejayaan konsep itu sehingga ke hari ini.

"Kita semua terhutang budi kepada Allahyarham Tunku kerana menciptakan konsep itu sewaktu kemerdekaan negara dahulu kerana ianya merupakan formula yang paling berkesan dalam menentukan kejayaan negara ini," katanya.

Beliau berkata melalui kerjasama dan dasar-dasar yang dijalankan oleh kerajaan melalui BN itu juga telah menyebabkan negara ini berjaya bertukar daripada negara yang hanya berasaskan pertanian kepada negara bercorak perindustrian.

Katanya, konsep kerjasama antara kaum dan parti yang diperkenalkan melalui Perikatan itu masih kekal digunakan di dalam BN sekarang dan akan terus diamalkan sehingga negara berjaya mencapai status negara maju.

"Kita mempunyai potensi dan keupayaan yang besar untuk bertukar daripada negara pertanian kepada negara perindustrian sepenuhnya jika rakyat bekerjasama dan bekerja keras ke arah itu," katanya.

Perdana Menteri juga membayangkan, bahawa permohonan Parti Maju Sabah (SAPP) menganggotai BN akan menjadi kenyataan memandangkan sokongan yang diterima dari parti-parti komponen setakat ini.

"Sekarang BN mempunyai antara 13 dan 15 komponen parti di dalamnya dan berkemungkinan SAPP juga akan menjadi ahli baru tidak lama lagi," katanya.

Sebelum itu, Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud dalam ucapannya berkata mana-mana suku kaum di negeri ini yang memahami kehendak pembangunan perlu bekerjasama di dalam BN.

Katanya, permohonan Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) menyertai semula BN negeri membuktikan bahawa parti itu telah menyedari dan ingin bersama-sama memajukan Sarawak di dalam BN. -- Bernama

RIM SIA

▼30/01/23-23MST